

fax 8889 2205
UP. En baw. l m

Sam 8885 4283

Ruj. Kami : SPA:U/2705/35-36 (9)

Tarikh : 28 Mac 2008

Y. Bhg. Dato' Dr. Abdul Munit b. Kasmin
Ketua Setiausaha
Kementerian Kerja Raya
Aras 5, Blok A
Jalan Sultan Salahuddin
50580 Kuala Lumpur

Y. Bhg. Dato',

PEWAKILAN KUASA MELANTIK SECARA KONTRAK KEPADA KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KERJA RAYA BAGI JAWATAN JURUTERA GRED J41, JURUUKUR BAHAN GRED J41, JURUUKUR BANGUNAN GRED J41 DAN ARKITEK GRED J41

Dengan hormatnya saya merujuk mengenai perkara di atas yang berkaitan.

2. Sukalah dimaklumkan Suruhanjaya telah membuat keputusan untuk mewakili kuasa melantik secara kontrak bagi jawatan Jurutera Gred J41, Juruukur Bahan Gred J41, Juruukur Bangunan Gred J41 dan Arkitek Gred J41 kepada Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya.

3. Bagi melaksanakan lantikan tersebut calon-calon yang dipilih hendaklah memenuhi kriteria berikut:

- a) pencapaian CGPA 3.50 dan ke atas atau setaraf dengannya;
- b) lulusan Universiti/Institusi Pengajian Tinggi dari dalam dan luar negara;
- c) mahir dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris; dan
- d) mempunyai kepakaran dalam disiplin yang berkaitan.

4. Pegawai-pegawai yang telah dilantik secara kontrak tersebut hendaklah kemudiannya berdaftar dengan SPA dan selepas satu tahun berkhidmat Ketua Perkhidmatan boleh memperakukan kepada Suruhanjaya untuk ditemu duga bagi maksud lantikan tetap. Satu laporan mengenai calon yang dilantik hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya dengan menggunakan format seperti di Lampiran.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,



RAMLI BIN JUHARI

Timbalan Setiausah (Pembangunan)

DIBATALKAN
(Keputusan Mesyuarat Suruhanjaya bertarikh 25 November 2024)